

Lawatan Anwar ke Riyadh simbol KL tekad kukuh 'persaudaraan Islam'

- Misi Perdana Menteri dalam lawatannya ke Arab Saudi baru-baru ini adalah untuk membina keyakinan Arab Saudi ke atas pentadbiran kerajaan Malaysia sekarang di bawah pimpinan Kerajaan Perpaduan
- Apabila Anwar mengumumkan beliau bersedia melihat kembali KSCIP, Kuala Lumpur memberi isyarat baharu kepada Riyadh kerajaan sekarang lebih bersikap terbuka jika dibandingkan pada 2018



Oleh Dr Kamarulnizam Abdullah
bhrencana@bh.com.my

Terdapat tiga kuasa besar dalam dunia Islam - Arab Saudi, Indonesia, dan Iran. Ketiga-tiga negara ini bukan sahaja kuasa utama di rantau mereka tetapi juga penggiat industri penting dalam pengeluaran petroleum dunia.

Dalam kalangan mereka, Arab Saudi adalah paling berpengaruh. Bukan sahaja kerana ia pengeluar terbesar minyak dunia yang boleh mempengaruhi turun naiknya harga petroleum, tetapi peranan Riyadh sebagai penjaga dua kota suci umat Islam - Makkah dan Madinah.

Oleh itu, kedudukan Arab Saudi bukan sahaja dilihat dari segi perspektif hubungan antara dua negara, tetapi juga antara Muslim seluruh dunia dengan kerajaan Riyadh.

Peranan Arab Saudi juga diakui kuasa besar dunia. Riyadh adalah rakan strategik Washington dalam kempen berterusannya mengasingkan Tehran daripada pentas dunia.

Tehran dicap Washington sebagai ancaman kepada sekutu terkuatnya - Israel. Namun demikian, keupayaan dan strategi diplomatik Washington semakin melemah apabila Beijing mampu menjadi orang tengah kepada perdamaian antara Riyadh dan Tehran baru-baru ini.

Hubungan Kuala Lumpur-Riyadh sedia ada melangkaui aspek diplomatik dan politik antara negara kerana secara tidak langsung rakyat Islam negara ini 'mempunyai saham' dalam hubungan berkenaan.

Hubungan ini sering digambarkan sebagai hubungan bersaudara kerana asas persamaan agama dan Arab Saudi sebagai penjaga dua kota suci

umat Islam.

Dari aspek antara negara, hubungan diplomatik dibina semenjak 1961 merekod jumlah perdagangan sebanyak RM45.52 bilion pada 2022.

Nilai itu pertambahan sebanyak hampir 160 peratus daripada tahun sebelumnya. Dagangan itu berpihak kepada Arab Saudi dengan kita hanya mengekspor satu pertiga daripada jumlah dagangan keseluruhan.

Dari aspek hubungan budaya, pergerakan rakyat Malaysia, sama ada untuk tujuan pendidikan mahupun pelancongan melalui umrah dan ziarah adalah tinggi.

Berdasarkan laporan tahunan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 2019, jumlah pelajar tajaan dan persendirian Malaysia melanjutkan pengajian di Arab Saudi lebih 700 orang. Jumlah itu merosot dengan ketara pada era COVID-19 kepada hanya lebih kurang 200 orang sahaja.

Bayangkanlah juga jumlah penerbangan terus agak tinggi antara enam hingga 10 kekerapan sehari, tidak termasuk penerbangan transit melalui negara ketiga.

Betapa pentingnya dan sensitifnya hubungan dua hala ini juga menyebabkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dikritik hebat pembangkang di atas kegagalannya bertemu Putera Mahkota Mohammed bin Salman, ketua de-facto kerajaan Arab Saudi, dalam lawatan rasminya baru-baru ini.

Ini hubungan, keyakinan dua negara

Misi Perdana Menteri dalam lawatannya baru-baru ini adalah untuk membina keyakinan Arab Saudi ke atas pentadbiran kerajaan Malaysia sekarang di bawah pimpinan Kerajaan Perpaduan.

Ia adalah satu misi untuk memperbaiki hubungan yang sebelum ini agak tercalar. Walaupun Anwar mempunyai kedudukan tinggi dalam kalangan negara Islam, berhadapan dengan kerajaan Saudi memerlukan seni diplomasi halus dan tertib bagi memastikan mereka tidak tersinggung dengan tindak

tanduk kita.

Oleh itu tugas Anwar dalam lawatannya baru-baru ini adalah besar, sama ada beliau mencapai misi diplomasinya atau tidak, itu adalah satu isu lain.

Hubungan kedua negara berada di dalam surut terendah apabila pemimpin Saudi dikaitkan dengan sumbangan dana politik ke atas bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bukanlah satu budaya Arab untuk mengendahkan atau mengaitkan pemimpin politik utama mereka dengan skandal terutamanya dengan negara lain.

Berinteraksi dengan budaya diplomasi Arab bukan mudah kerana mereka terlalu sensitif dengan sebarang kritikan atau pandangan boleh menjatuhkan imej mereka.

Kes dana politik dilihat mencalarakan imej Raja Salman yang mana isu sumbangan itu, jika ada, tidak sepatutnya bagi mereka didedahkan kepada awam.

Di samping itu, keputusan satu hala kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 2018 menutup Pusat Keamanan Antarabangsa Raja Salman (KSCIP) mencetuskan polemik diplomatik tidak menyenangkan.

Ini kerana pusat itu adalah idea dan sumbangan kewangan datangnya dari Raja Salman sendiri sewaktu lawatan rasminya ke Malaysia pada 2017.

Beberapa pihak ketika itu berhujah penubuhan KSCIP akan menyenangkan penyebaran idea Wahabi yang selama ini dikaitkan dengan Arab Saudi. Walaupun demikian, keputusan itu adalah satu kesilapan politik kerana ia isu sensitif dalam dimensi hubungan dua negara.

Justeru, memelihara hubungan Kuala Lumpur dan Riyadh adalah langkah strategik. Tidak keterlaluan sebenarnya Malaysia banyak bergantung kepada 'ihсан' Riyadh bagi memastikan hubungan sedia ada stabil.

Dari segiimbangan hubungan negara dengan negara, Malaysia banyak bergantung kepada budi bicara politik dan diplomasi Saudi.

Apabila Anwar mengumumkan beliau bersedia untuk melihat kembali KSCIP, Kuala Lumpur memberi isyarat baharu kepada Riyadh kerajaan sekarang lebih bersikap terbuka jika dibandingkan pada 2018.

Menurut sumber tertentu, Malaysia sedang mengusulkan idea kepada perubahan konsep KSCIP yang akan dikenali sebagai *King Salman Centre for Global Governance* (KSCGG) atau Pusat Tadbir Urus Global Raja Salman.

Sejauh mana idea itu boleh diterima Riyadh masih belum boleh dipastikan lagi tetapi apa yang penting, kenyataan Anwar juga adalah isyarat hubungan negara dan rakyat amat penting untuk terus dipelihara.



Anwar menerima kunjungan hormat Presiden Islamic Development Bank (IsDB), Dr Muhammad Sulaiman Al Jasser, ketika lawatannya ke Jeddah, baru-baru. Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH